

**Masalah Banjir Kerana Kerajaan Negeri Gagal Kawal Pembalakan - Dr M Bernama**  
**9 Disember, 2012**

SIK, 9 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kerajaan Kedah yang diteraju PAS kerana gagal mengawal aktiviti pembalakan di negeri itu sehingga kerap berlaku banjir luar biasa yang merosakkan rumah dan kemudahan rakyat.

Bekas perdana menteri itu berkata keadaan tersebut antara bukti pembangkang tidak mampu mentadbir negeri dengan baik dan penduduk Kedah perlu mengembalikan kuasa memerintah negeri kepada Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

Banjir bukan sahaja merosakkan rumah rakyat, tetapi sisa kayu balak yang dihanyutkan banjir juga memusnahkan kemudahan untuk rakyat seperti jambatan, katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditemui pemberita ketika melawat kawasan yang terjejas akibat aktiviti pembalakan di Kampung Pelangi, Gulau dekat sini.

Banjir yang melanda kawasan itu turut merobohkan sebuah jambatan konkrit yang baru siap dibina untuk kemudahan penduduk.

Turut serta dalam lawatan itu ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Ahmad Bashah Hanipah dan Anggota Dewan Undangan Negeri Belantik Datuk Mohd Tajuddin Abdullah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=715027>